

# Rumah Melayu Dari Bandar Hilir ke Muara Sungai Duyong

**N**EGERI MELAKA AMAT TERKENAL SEBAGAI NEGERI BERBUDAYA YANG BANYAK MEWARISI SENI DAN BUDAYA BERARAS TINGGI DALAM SEJARAH DAN WARISAN PERADABAN MELAYU YANG BERTARAF DUNIA. SELARAS DENGAN USAHA UNTUK MEMPERKASAKAN WARISAN BANGSA MELAYU INI, KERAJAAN TELAH MEWUJUDKAN AKTA DAN ENAKMEN KHUSUS DI SETIAP NEGERI AGAR WARISAN NEGARA INI DAPAT DIPERTAHANKAN. HAL INI JELAS APABILA AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 DIWUJUDKAN BAGI MEMPERKEMBANGKAN DAN MENYELAMATKAN WARISAN NEGARA YANG KETARA DAN JUGA YANG TIDAK KETARA.

Sejak abad ke-13, Melaka merupakan negeri dan bekas Kesultanan Melayu Melaka yang terkenal dengan budaya yang bernilai tinggi mewarisi warisan ketara yang memiliki identiti atau ciri-ciri yang tersendiri, seperti rumah Melayu Melaka, makanan tradisional dan masjid warisan. Di samping itu, terdapat juga warisan daripada rumpun Melayu, seperti rumah limas Bugis, rumah Minang dan sebagainya.

Dalam hal ini, menjadi tanggungjawab kita untuk memelihara dan memulihara rumah Melayu Melaka yang ditinggalkan oleh ibu bapa atau keluarga yang tersayang sebagai kenangan. Kita seharusnya menyelamatkannya dan bukan ditinggalkan atau terbengkalai dengan pandangan yang memalukan. Tidak dinafikan bahawa untuk menyelamatkan rumah warisan bukanlah perkara



# Melaka

mudah. Hal ini memerlukan sumber kewangan atau dana yang mencukupi untuk memelihara struktur rumah tradisional ini. Mewarisi rumah Melayu Melaka ini merupakan anugerah dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memperkembangkan warisan

khazanah ini dengan mempunyai perasaan cinta terhadap warisan yang ditinggalkan agar

tersemat di hati sebagai bangsa yang bermaruah.

Sememangnya negeri Melaka terkenal sebagai negeri yang mempunyai identiti dan peribadi yang tersendiri. Hal ini sewajarnya menjadi tanggungjawab semua pihak, terutamanya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Melaka, melalui agensi yang berkaitan agar memandang serius dalam usaha memartabatkan identiti Melaka. Di samping itu, kesedaran rakyat negeri Melaka mampu

membina dan membangunkan wajah warisan Melaka agar terus dilestarikan pada masa akan datang.

Kerajaan Negeri Melaka memainkan peranan penting memelihara dan memulihara wajah warisan Melaka, antaranya termasuklah Bangunan Sri Negeri, kompleks mahkamah, premis perniagaan, pintu gerbang, dan perhentian bas. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, dan kerajaan





Tangga batu rumah Melayu Melaka memiliki identiti yang tersendiri.

negeri melalui Majlis Perbandaran Melaka Bersejarah di Perbadanan Muzium Melaka, telah mengambil daya usaha yang murni ini dengan memberikan bantuan bagi memulihkan bangunan rumah Melayu Melaka, terutamanya di Kampung Baru (Morten). Hal ini termasuklah beberapa rumah persendirian yang memiliki suasana dan persekitaran rumah Melayu Melaka tradisional yang berprinsipkan bersih, indah dan berseni. Diharapkan usaha murni ini tidak sekerat jalan dan sentiasa diberikan perhatian demi mempertahankan maruah dan jati diri rakyat Malaysia.

Selain itu, rakyat negeri Melaka turut bertanggungjawab dengan memainkan peranan penting untuk menyelamatkan warisan rumah Melayu Melaka yang diwariskan, atau membeli rumah yang terbenakalai agar dapat dipulihkan. Di samping itu, kita seharusnya mempunyai semangat untuk mendirikan rumah baharu dengan bercirikan rumah Melayu Melaka

bagi mewarisi peradaban Melayu. Sekalung tahniah kepada rakyat negeri Melaka yang mengambil daya usaha memelihara dan memulihara, serta membina rumah yang bercirikan rumah Melayu Melaka, seperti di Peringgit dan Bukit Piatu, serta sekitar negeri Melaka, begitu juga di seluruh Malaysia.

Sebagai anak jati Melaka, saya juga merupakan pewaris budaya Melaka yang mencintai warisan seni budaya Melaka dengan mengambil daya usaha memulihara rumah tradisional ini demi menyelamatkan khazanah ini daripada terkubur ditelan zaman. Antara usaha yang dijalankan termasuklah menyerikan persekitaran rumah tradisional ini dengan bangunan yang bercirikan struktur rumah Melayu Melaka yang penuh dengan pokok bunga yang terkenal di Melaka, seperti bunga kesidang, bunga kenanga, bunga tanjung, bunga melor, bunga cempaka dan sebagainya.

Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, saya menyelamatkan rumah Melayu Melaka di Bandar Hilir kepunyaan Allahyarham Imam Haji Jaafar Ashaari dan diamanahkan oleh Yahya Kudus agar saya dapat menjaga rumah ini. Kini, rumah tradisional ini telah dipindahkan di Muara Sungai Duyong, Melaka. Syukur kepada Allah, setelah menempuh pelbagai cabaran, rumah Melayu Melaka ini berjaya dipindahkan dan dibina semula berdasarkan struktur dan reka bentuk asal. Bagi melahirkan suasana yang ceria, ditambahkan bilik penginapan dan surau di kawasan rumah ini.

Di hadapan rumah Melayu Melaka ini turut didirikan

bangunan serba guna dan dewan serta bilik mesyuarat yang dikelilingi taman bunga. Selain itu, tempat rehat dan pondok bercirikan seni bina rumah Melaka turut dibangunkan bagi perniagaan ikan bakar, Anjung Muara Sungai Duyong. Wajah rumah Melayu Melaka dijelmakan di tanah seluas satu ekar untuk dijadikan sebagai kenangan bagi mewarisi peradaban Melayu yang beraras tinggi di Permatang Pasir. Selamat datang ke rumah Melayu Melaka di Muara Sungai Duyong; senyum melambai, rindu dijunjung. Semoga dapat diabadikan sebagai galeri rumah Melayu Melaka dalam usaha untuk memartabatkan warisan peradaban Melayu di bumi bertuah ini.

Diharapkan seluruh rakyat dan anak jati Melaka dapat memainkan peranan masing-masing bagi menyelamatkan warisan rumah Melayu Melaka sebagai warisan seni bina Melayu yang istimewa dari segi keindahan seni bina dan peranannya sebagai tempat penginapan dan kegiatan seisi keluarga dan masyarakat.

Semoga Kerajaan Negeri Melaka mempunyai agenda penting untuk memartabatkan rumah Melayu Melaka, manakala rakyat negeri Melaka terus bersemangat menyelamatkan dan mendirikan rumah yang bercirikan seni rumah tradisional ini. Diharapkan bantuan memulihkan rumah Melayu Melaka ini tetap diteruskan pada masa akan datang. Insha-Allah, Majlis Penasihat Warisan Peradaban Melayu dan Lembaga Bahasa Melayu Melaka dengan kerjasama pelbagai pihak akan terus menganjurkan bengkel, seminar dan penyelidikan, serta menerbitkan buku tentang rumah Melayu Melaka.

# Rumah Melayu MELAKA

Rumah warisan  
Rumah yang indah  
Rumah yang bersejarah  
Selesa didiami  
Diwarisi turun-temurun  
Sehingga ke anak cucu  
Zaman berzaman  
Di bumi yang indah ini  
Dengan pelbagai nama  
Rumah Melayu dan rumah Melaka  
Terkenal sebagai rumah Melayu Melaka.

Rumah warisan  
Rumah untuk bertapak  
Penuh dengan ruang bersantai  
Bertangga batu  
Dihiasi dengan ukiran  
Dikelilingi taman yang berseri  
Tempat berlindung dan bersidang  
Mengharungi perjalanan hidup  
Dijadikan teratak perjuangan  
Melaksanakan majlis kenduri  
Di bumi bertuah ini.

Rumah warisan  
Meninggalkan bekalan  
Menjadi rumah pusaka  
Untuk anak cucu  
Terus kekal zaman-berzaman  
Mempertahankan rumah warisan  
Rumah Melayu, rumah Melaka  
Di sebuah perkampungan seni  
Yang indah lamanya  
Demi mewarisi khazanah peradaban  
Di rumpun Melayu.

Bak kata pantun Melayu  
Rumah Melayu rumah Melaka  
Rumah warisan kebanggaan kita  
Hidup kita biarlah penuh berjasa  
Memelihara warisan pusaka negara.